

03/01/2001

Putra, STAR akan meterai konsesi baru

Badrila Jamlus

PROJEK Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra), pengendali sistem transit aliran ringan (LRT), dijangka menandatangani perjanjian konsesi baru dengan kerajaan pada April atau Jun ini.

Perjanjian baru itu adalah susulan daripada pengumuman kerajaan untuk membeli aset milik dua syarikat LRT iaitu Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dan Putra bulan lalu.

Pengarah Urusan Putra, Ridza Abdoh Salleh, berkata sistem pengangkutan awam perlu disusun semula bagi menjamin perkhidmatan yang lebih efisien, bersepadu dan menyeluruh.

Bagaimanapun, katanya operasi membabitkan pengendalian sistem LRT akan berjalan seperti biasa tanpa sebarang perubahan termasuk penukaran logo syarikat.

Beliau berkata, pengambilalihan aset milik dua syarikat LRT itu untuk menyusun semula hutang syarikat terbabit serta sistem pengangkutan awam di negara ini dan bukannya mengambil alih operasi keseluruhan syarikat berkenaan.

Katanya, penggabungan perkhidmatan LRT dan bas yang dikendalikan sekarang membolehkan pengguna mendapat manfaat menerusi penyediaan sistem pengangkutan awam yang cekap.

"Isu pengangkutan awam adalah rumit kerana ketika ini terdapat beberapa pengendali perkhidmatan bas serta LRT dan wujud pelbagai masalah menyebabkan orang ramai kurang menggunakan kemudahan awam.

"Berikutan itu kerajaan membuat keputusan untuk mengatasi masalah ini dengan menghubungkan sistem ini dengan orang ramai menerusi penggabungan, sekali gus mewujudkan suasana "harmoni" dalam sektor pengangkutan awam di negara ini," katanya ketika diminta mengulas mengenai cadangan kerajaan mengambil alih pengurusan LRT yang diumumkan bulan lalu.

Pada 22 Disember lalu, kerajaan mengumumkan pembelian aset milik dua syarikat pengangkutan awam STAR dan Putra menerusi terbitan bon bersiri 5 berjumlah RM6 bilion.

Terbitan bon selama 15 tahun dengan kadar kupon antara 5.6 hingga 7.2 peratus itu kemudiannya akan digunakan oleh pengendali LRT terbabit untuk membayar hutang komersial mereka.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan terpaksa mengambil alih pengurusan LRT untuk menyusun semula struktur pentadbirannya berikutan syarikat yang menguruskan pengangkutan awam berkenaan sebelum ini tidak mendapat sebarang keuntungan.

Ketika ditanya mengenai jenis aset yang akan dibeli kerajaan, Ridza berkata syarikat belum membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu kerana ia perlu dibincangkan dengan pemegang saham terlebih dulu.

Beliau menjelaskan, pelaksanaan penyusunan semula pengangkutan awam itu dijangka mengambil masa antara dua hingga tiga tahun kerana ia membabitkan pihak tertentu.

Ditanya mengenai perubahan dijangka berlaku apabila proses pengambilalihan itu selesai, beliau berkata pengenalan kadar tambang baru adalah antara perkara yang diambil kira selain pelaksanaan tiket bersepadu.

(END)